

**SOALAN NO. 102****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT PUAN HAJAH FUZIAH  
BINTI SALLEH [KUANTAN]

**TARIKH :** 8 OGOS 2017

**SOALAN :**

**YB Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun yang turut membayar cukai GST, sama ada pihak Kerajaan mempunyai hasrat untuk memberi mereka hak mengundi pada umur 18 tahun dengan menurunkan kelayakan mengundi dari 21 tahun kepada 18 tahun.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119, Perlembagaan Persekutuan menyebut mana-mana warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun dan tidak hilang kelayakan sebagai pemilih boleh memohon untuk didaftarkan sebagai pemilih bagi suatu bahagian pilihan raya dan membolehkannya mengundi dalam sesuatu pilihan raya umum atau pilihan raya kecil.

Oleh yang demikian, cadangan untuk menurunkan had umur dari 21 tahun kepada 18 tahun bagi kelayakan mendaftar sebagai pemilih adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Perlembagaan Persekutuan pada masa sekarang. Sekiranya cadangan tersebut hendak dilaksanakan, ia memerlukan kajian lanjut dan mendalam sebelum sebarang pindaan dibuat pada peruntukan undang-undang sedia ada.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 103

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH**

**TARIKH : 8 OGOS 2017**

**RUJUKAN : 10056**

**SOALAN :**

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tindakan yang diambil oleh Kerajaan terhadap Jho Low yang telah dilapor mempunyai pasport negara Malaysia dan negara St. Kitts and Nevis pada masa yang sama.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Untuk makluman, Malaysia tidak mengiktiraf dwi kerakyatan. Rakyat Malaysia perlu memilih satu kerakyatan sahaja sama ada kekal sebagai rakyat Malaysia atau menolak kerakyatan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) juga boleh melucutkan kerakyatan mana-mana rakyat Malaysia yang didapati mempunyai dwi kerakyatan dengan bukti yang mencukupi. Dalam hubungan kes Jho Low, Kerajaan melalui KDN boleh mengambil tindakan melucutkan kewarganegaraan beliau sekiranya terbukti beliau sememangnya juga memegang pasport negara St. Kitts dan Nevis.**